IKLAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

PEGAWAI TADBIR / GRED N9
***Taraf: Kontrak (Contract of Service* - Satu (1) Kekosongan)**
Penempatan : Unit Pembangunan Perniagaan,
Ibu Pejabat Perbadanan Taman Negeri Perak
Jadual Gaji : RM2,250.00 – 11,110.00 (di atas JGMM)

AKADEMIK DAN PENGALAMAN

Calon perlu mempunyai kelayakan akademik seperti berikut:

- Ijazah Sarjana Muda (yang diiktiraf oleh kerajaan) dalam bidang **Pentadbiran Perniagaan / Pembangunan Perniagaan / Pemasaran / Komunikasi Strategik / Ekonomi / Kewangan / Keusahawanan** atau yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Perbadanan Taman Negeri Perak daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya.
- Kepujian Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai **pengalaman kerja dalam Pelancongan dan GLC (agensi pembangunan ekonomi negeri)**
- Kemahiran Bahasa Inggeris dalam pertuturan dan penulisan adalah satu kelebihan

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau aktiviti penjanaan hasil melalui pembangunan komersial, produk pelancongan, program eko-pelancongan, kerjasama korporat dan inovasi perkhidmatan.

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN.

- Membantu melaksanakan Penyelidikan dan Analisis Pasaran bagi mengenal pasti sektor atau industri berpotensi.
- Membantu melaksanakan Perancangan Strategi Perniagaan yang bersesuaian bagi Perbadanan Taman Negeri Perak.
- Merangka Pakej Pelancongan Lestari – mengenalpasti potensi produk pelancongan di dalam kawasan taman negeri.

- Mencadangkan dan menyelaras pembangunan produk dan perkhidmatan baharu mengikut keperluan pasaran.
- Menyediakan kertas cadangan perniagaan /pelaburan / pembiayaan mampan.
- Membangun dan menjalinkan hubungan dengan rakan kongsi strategik.
- Menyumbang dalam penyediaan bahan promosi dan kempen pemasaran di peringkat domestik dan antarabangsa menerusi media digital atau pameran pelancongan
- Menilai keberkesanan strategi pembangunan perniagaan yang dilaksanakan.
- Melaksanakan perkara-perkara berkaitan Pengurusan Projek dan Pembiayaan.
- Urus Setia Mesyuarat berkaitan Pembangunan Perniagaan termasuk mengurus mesyuarat jawatankuasa komersial atau pelaburan perbadanan, menyediakan minit dan memantau keputusan tindakan.
- Lain-lain tugasan yang diarahkan oleh Pengurusan Tertinggi / Ketua Jabatan

KOMUNIKASI KORPORAT

- Menyelia kandungan laman web dan media sosial serta menyelaras kandungan yang berkaitan.
- Lain-lain tugasan yang diarahkan oleh Pengurusan Tertinggi / Ketua Jabatan

KELAYAKAN, KUALITI DAN CIRI-CIRI PERIBADI

- Mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran komunikasi berkesan, pemikiran strategik dan inovatif, berintegriti dan amanah, mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan, proaktif dan sentiasa berusaha.
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana.
- Taraf kesihatan - sihat, tidak cacat dan tidak mempunyai penyakit kronik.

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang https://digital.perak.my/perjawatan
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses dan calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- Permohonan yang tidak menerima sebarang maklum balas selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:
  Unit Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Taman Negeri Perak
  No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
  Pusat Perniagaan Lang Indah
  30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
  Tel: 05-5430102

Tarikh tutup permohonan adalah pada:
26 November 2026 (Khamis) jam 11.59 malam